

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 51 RABU 19HB. DISEMBER, 1973. 1393 رابو 24 ذو القعدة PERCHUMA

IBU-BAPA DI-SERU GALAKKAN ANAK2 MEREKA MEMILEH JURUSAN TEKNIKAL

KUALA BELAIT. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah telah menyeru ibu-bapa2 supaya menggalakkan anak2 mereka memileh jurusan teknikal sa-bagai mata pencharian dan pekerjaan mereka di-masa hadapan sesuai dengan kehendak zaman sains dan teknologi.

Sabda Yang Teramat Mulia itu di-bachakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Mohd. Yusof ketika merasmikan pembukaan Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Jefri Bolkiah, sa-bagai wakil peribadi Yang Teramat Mulia itu pada hari Sabtu yang lalu.

Yang Teramat Mulia berharap dengan ada-nya sekolah pertukangan itu, bilangan anak2 tempatan yang mendapat kemahiran teknikal dalam bidang kejuruteraan akan bertambah bagi mene-nohi sa-bahagian besar dari keperluan kita di-segi tenaga teknikal.

Yang Teramat Mulia juga berharap pehak yang berke-naan khusus-nya Jabatan Pelajaran dan ibu-bapa akan senentiasa menggalakkan anak2 sekolah supaya memi-leh jurusan teknikal, oleh ke-rana Negeri Brunei yang se-dang membangun ini sangat2 berkehendakan anak2 tem-patan yang mempunyai kema-hiran dalam jurusan tersebut.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah telah menguchapkan
(Lihat muka 8)

D. Y. M. M. akan merasmikan Majlis Meshuarat Negeri pagi esok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei akan berangkat ka-De-wan Majlis pagi esok untuk melafadz-kan titah dalam Upachara Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis Meshuarat Negeri.

Meshuarat Pertama dari musim permeshuaratan ke-sebelas itu akan membincangkan anggaran belanjawan bagi tahun 1974.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan di-jadualkan ber-angkat tiba ka-majlis itu kira2 jam 9.30 pagi di-mana baginda akan me-meriksa barisan kehormatan yang terdiri dari pasokan Pulis Diraja Brunei.

Sa-telah itu Duli Yang Maha Mu-lia akan di-junjong berangkat ka-Dewan Persidangan untuk melafadz-

kan titah.

Di-antara yang turut hadir di-upachara itu nanti ia-lah T.Y.T. Pe-mangku Pesuruhjaya Tinggi D.Y.M.M. Baginda Queen di-Brunei, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mo-hammad Bolkiah, Yang Teramat Mu-lia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Penasehat Umum dibawah D.Y.M.M., Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Wazir2, Yang Amat Mulia Cheteria2, ahli2 Yang Berhormat Majlis Meshua-rat Diraja, ahli2 Majlis Meshuarat Te-tap dan ahli2 Majlis Meshuarat Meng-angkat Raja.



Y.A.M. Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Mohd. Yusof ketika membuka tirai papan perasmian sekolah tersebut.

BAHATH: MENGHADAPKAN HUJAH2 UTK KEBENARAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-raja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohamed Jamil Al-Sufri selaku Pengerusi Majlis Pelajaran tatkala merasmikan pembuka-an Majlis Peraduan bahath antara Seko-lah2 menengah dan maktab2 peringkat akhir seluroh negeri yang di-adakan di-Dewan Raya di-sini pada hari Sabtu le-pas telah menerangkan bahawa salah satu d a r i p a d a tujuan dasar pelajaran baru yang terkandung dalam Laporan Surohanjaya Pelajaran 1972 antara lain ia-lah hendak menjadikan raayat dan penduduk negeri Brunei ini sa-bagai ra-ayat yang sempurna dan bertanggung-ja-wab terhadap negara.

Untuk menchapai tujuan ini, Yang Berhormat itu menegaskan lagi, penuntut2 yang ada sekarang ini akan di-beri pe-lajaran yang sesuai untuk melengkapkan diri mereka dengan pelajaran2 yang di-perlukan supaya mereka dapat menjalan-kan tanggung-jawab mereka terhadap ne-gara ini.

Beliau juga telah menerangkan ba-hawa walau berapa elok-nya susunan da-sar pelajaran baru itu, jika sekira-nya pe-

(Lihat muka 8)

Istiadat Mengagai dua orang pegawai perubatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Istiadat Mengagai bagi dua orang pegawai perubatan telah di-langsungkan di-Lapau dalam dua istiadat yang berasingan.

Istiadat Mengagai bagi Dato P.L. de V. Hart telah di-adakan pada hari Sabtu 15hb, Disember manakala Istiadat Mengagai bagi Dato Dr. I.A. Harris di-langsungkan pagi se-malam.

Istiadat tersebut di-langsungkan bagi per-seediaan Istiadat mengurniakan gelaran

'Pehin' kepada Dato Dr. Hart dan gelaran 'Pehin Manteri' kepada Dato Dr. Harris.

Dato Dr. Hart akan di-anugerahkan gelaran itu pada hari Sabtu 22hb. Disember dan Dato Dr. Harris pada hari Ahad 23hb. Disember.

Istiadat Mengagai bagi kedua2 orang pega-wai perubatan itu telah di-langsungkan di-hadapan Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah dan di-hadhiri oleh pembesar2 negara.



GAMBAR ATAS: Awg. Md. Daud bin Mahmud dari Maktab SOAS yang telah di-pilih sa-bagai peserta terbaik dalam bahagian Sekolah2 Menengah Atas ketika memberikan hujah2-nya dalam peraduan tersebut.

GAMBAR KIRI: Datin Hajjah Siti Hara menyampaikan piala kejohanan kepada ketua pasukan bahath Sekolah Inggeris Sufri Bolkih, Dayang Rasiah binte A. Damit.

Peraduan bahath peringkat akhir

BANDAR SERI BEGAWAN.

Sekolah Inggeris Sufri Bolkih Tutong telah menjadi johan lelaki dan perempuan bahagian sekolah2 menengah bawah dalam peraduan bahath bagi sekolah2 menengah dan maktab2 seluruh negeri yang telah berlangsung di-Dewan Raya di-sini pada hari Sabtu lepas.

Sekolah tersebut juga telah berjaya menjadi johan perempuan dalam bahagian sekolah2 rendah dan naib-johan lelaki dalam bahagian yang sama.

Dua-belas buah pasukan dari tujuh buah sekolah di-seluruh negeri telah mengambil bahagian dalam peraduan akhir itu.

Berikut ini ia-lah keputusan penoh peraduan tersebut:

Sekolah2 Rendah Bahagian Lelaki: Johan di-menangi oleh Sekolah Melayu Pusu Ulak dengan mendapat markah 173 mata bersamaan dengan 57.66%, dan naib-johan — Sekolah Inggeris Sufri Bolkih, Tutong dengan mendapat markah 156 mata = 52%. Peserta terbaik di-menangi oleh Awang Ramli bin Bujang dari Sekolah Melayu Pusu Ulak.

Sekolah2 Rendah Bahagian Perempuan: Johan — Sekolah Inggeris Sufri Bolkih dengan mendapat markah 201 mata = 67%, naib-johan Sekolah Persediaan Inggeris Kilanas (166 mata = 53.33%). Peserta terbaik di-menangi oleh Dayang Hadijah binte Idris dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkih, Tutong.

Sekolah2 Menengah Bawah Bahagian Lelaki: Johan — Sekolah Inggeris Sufri Bolkih, Tutong dengan mendapat markah 216 mata = 72%, naib-johan — Maktab Anthony Abell, Seria (205 mata = 68.3%). Peserta terbaik ialah Ag. Rosli bin Zulkifli dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkih. (Lihat muka 6)

Kursus bahasa Inggeris akan di-perluaskan lagi pada tahun hadapan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Nazir Negara Sekolah2, Awang Suni bin Haji Idris menyeru guru2 di-sekolah2 rendah Melayu supaya tidak akan menolak tawaran apabila mereka di-pilih untuk mengikuti kursus bahasa Inggeris tahun depan.

Awang Suni berkata demikian, ketika merasmikan penutupan kursus bahasa Ing-

geris di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, di-Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Nazir Negara Sekolah2 itu menguchapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana memberikan kemudahan2 yang membolehkan kursus pengajaran bahasa Inggeris berjalan dengan lancar dan memuaskan.

Kata-nya, sa-takat ini 400 orang guru dari sekolah2 rendah Melayu, persediaan Inggeris dan dari sekolah China telah menjalani kursus tersebut sejak ia-nya di-jalankan pada pertengahan tahun 1972.

Kursus tersebut akan di-perluaskan lagi tahun hadapan dengan memberi peluang kepada guru2 yang mengajar di-sekolah2 menengah Melayu dan guru2 yang mengajar di-sekolah2 persediaan Inggeris di-seluruh negeri.

Awang Suni menerangkan, persediaan2 untuk meluaskan lagi kursus itu sedang giat di-usahakan, ini termasuklah pengajaran hisab dan sains.

Pasokan bomba berjaya chegha kebakaran di-S.M. Sg. Kebun

KAMPONG AYER. — Satu kebakaran telah berlaku di-sebuah setor tempat menyimpan buku2 lama, kerusi dan meja yang rosak di-Sekolah Melayu Sungai Kebun pada

hari Sabtu yang lalu.

Sa-buah moto-bomba dari balai bomba laut di-Jalan Residency telah berkejar ka-tempat kejadian itu sa-telah menerima panggilan kechemasan.

Ahli2 bomba yang di-ketuai oleh Pegawai Bomba, Ag. Ahmad bin Yusof dengan bantuan penduduk2 kampung di-kawasan itu telah berjaya menchegha kebakaran itu dari merebak ka-bangunan sekolah tersebut.

Sa-bahagian dinding dan semua atap di-setor tersebut telah musnah di-jilat api.

Puncha kebakaran itu belum lagi di-ketahui bagaimana pun penyiasatan sedang di-jalankan.

Derma perseorangan utk tabong stadium

TUTONG. Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Jaafar, yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Derma Tabong Pembinaan Stadium Daerah Tutong baru2 ini telah menerima, derma sa-banyak \$130.00 dari tiga orang penderma perseorangan.

Awang Kinchai bin Ilan dari Kampong Nong Mayan telah menderma sa-banyak \$50.00; Abang Mohamed Noor bin Abang Mohamed, Ketua Kampong Merimbun menderma sa-banyak \$50.00 dan Awang Morshidi bin Mohamed dari Kampong Panchor Papan menderma sa-banyak \$30.00.

Awang Abdullah telah menguchapkan terima kasih kepada semua penderma2 itu atas sumbangan mereka untuk menjayakan pembinaan stadium tersebut.

**MENDERMA-LAH
KAPADA TABONG
PEMBINAAN
STADIUM**

RASSULULLAH s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud:

"Bahawasa-nya pada diri anak Adam (manusia) itu ada 'sa-buku' daging, apabila 'sa-buku' daging itu baik, maka baik-lah seluroh tubuh-nya, apabila 'sa-buku' daging itu tidak baik maka rosak-lah tubuh badan, ketahuilah dia ialah hati".

Hati itu dapat kita umpamakan sa-bagai 'main switch' bagi tenaga letrik yang di-bekalkan ka-rumah kita. Kalau alat2 dan perkakas2 letrik yang terdapat dalam 'main switch' itu baik dan sempurna maka akan baik dan sempurna-lah pula perjalanan tenaga letrik yang di-sambong kepada switch2 lain seperti lampu, radio, dapur letrik, talivishen dan sebagainya-nya. Sebalik-nya kalau 'main switch' itu terdapat kerosakkan maka rosak-lah perjalanan tenaga letrik di-sambongan2 yang lain itu.

Jadi hati ada-lah merupakan ibu-sawat bagi seluroh anggota kita. Kita tidak bergerak jika hati kita tidak berkehendakkan kita bergerak, kita tidak akan makan jika hati kita tidak membukakan selera untuk makan, pendek-nya kita akan melakukan sesuatu samada baik atau burok melainkan sa-sudah lebeh dahulu kita mendapat arahan daripada hati kita.

Daripada hati itu-lah juga timbul perasaan iri-hati. Ada pun perasaan iri-hati itu ada waktu-nya baik dan boleh menjadi ubat dan ada waktu-tidak baik dan boleh menimbulkan mudzarat. Iri-hati yang boleh di-jadikan ubat itu ia-lah iri-hati yang di-gunakan pada tempat-nya yang sesuai baik iri-hati yang tidak berchampur dengan hasad dan dengki. Dan timbul-nya perasaan itu berpuncha daripada semangat tidak mahu kalah dengan orang lain, seperti bila sa-seorang itu nampak ada sa-orang lain telah memperolehi sa-satu kejayaan, maka dengan segera timbul dalam hati-nya yang dia pun mahukan kejayaan seperti itu, lalu ia mengurak langkah berikhtiar dan berusaha menyiasat sebab2 kejayaan orang itu kemudian ia meniru dan mencontohi gerak langkah sehingga ia sama2 berjaya.

Iri-hati sa-umpama itu tidaklah ada apa2 salah-nya di-segi

Hati merupakan ibu-sawat bagi seluroh anggota

KHUTBAH JUMA'AT

ugama, malahan ia ada-lah digalakan asal sahaja di-lakukan dengan tujuan yang baik. Dan ini dapat katakan sa-bagai meniru dan mencontohi perkara2 yang baik dan berkebaikan yang boleh menguntong-

Kita tidak akan melakukan sa-satu samada baik atau burok, melainkan lebeh dahulu kita mendapat arahan daripada hati

kan diri kita. Pada hari ini banyak bahan2 dan chontoh yang patut kita irikan hati sa-umpama kemajuan orang2 China dalam lapangan perniagaan, kemajuan orang2 Barat dalam perkembangan ilmu pengetahuan, kemajuan orang2 Jepun dalam lapangan perusahaan dan lain2 lagi. Kemajuan mereka itu patut kita usahakan andai-nya kita benar2 berkehendakkan kemajuan dalam lapangan2 sa-umpama itu. Tetapi yang hairannya masyarakat Islam kita lebeh tertarek meniru2 perkara2 yang tiada mendatangkan faedah. Masyarakat kita lebeh tertarek hati meniru feshen2 pakaian, feshen2 rambut panjang dan sebagai-nya sekali-pun perkara2 itu kadang2 tidak bersesuaian dengan keperluan ibadian kita.

Ada pun iri hati yang memberi mudzarat itu ia-lah iri hati yang di-timbulkan oleh rasa dendam atau hasad deng-

ki yang tiada sukakan kejayaan2 yang telah di-chapai oleh orang lain, dengan sebab itu tiada timbul sa-barang keinginan untuk meniru atau mencontohi orang yang di-irikan-nya itu, sebalik-nya dia berharap2 supaya orang yang telah berjaya itu jatuh semula. Kerana itu ia tidak berusaha untuk melayakkan diri-nya kepunchak kejayaan, malahan apa yang di-lakukan-nya ia-lah menhari2 kesalahan orang yang di-irikan-nya itu dengan tujuan untuk menjatohkannya. Ini-lah perangai sa-tenengah2 orang yang hati-nya ro-rak yang tentu-nya tidak disukai oleh Allah Subhanahu Wataala. Sa-barang tipu muslihat dan tindak-tandok jahat mereka itu ada-lah semata2 akan membawa kerosakan kepada diri mereka itu sendiri.

Mudah2an di-jauhkan Allah hati kita sekaliian daripada bersifat dengan sifat2 yang keji dan sebalik-nya mari-lah kita berusaha melateh diri berperangai dengan akhlak yang mulia, berseh hati dan berbudi mulia bagi menchapai kejayaan dalam kehidupan dunia dan akhirat.

UPACHARA

PERBARISAN

TAMAT LATEHAN

REKRUT2 AMDB

BERAKAS. — Satu upacara perbarisan tamat latehan bagi rekrut2 Askar Melayu Diraja Brunei pengambilan ke-30, akan di-adakan di-Perkhemahan Berakas pada hari Juma'at 28hb. Disember jam 8.30 pagi.

Kenderaan akan di-sediakan untuk membawa sanak saudara, sahabat handai dan orang ramai pergi dan balek dari Bandar Seri Begawan ka-Perkhemahan Berakas, pada han Berakas pada hari Juma'at 28hb. Disember jam 8.30 pagi.

Kenderaan akan menunggu di-hadapan bangunan pejabat Setia Usaha Kerajaan di-Bandar Seri Begawan, dan bertolak ka-Perkhemahan Berakas pada jam 7.40 pagi dan bertolak balek ka-Bandar Seri Begawan sa-telah selesai upacara perbarisan tamat latehan itu.

Satu jamuan ringan akan di-adakan Perkhemahan Bolikiah sa-lepas perbarisan itu.

Menyembor ubat DDT

TEMBURONG. — Rombongan penyembor dari Projek Penghapus Malaria akan menjalankan penyemboran ubat DDT di-Kampung Piasau-Piasau dan Senukoh di-Daerah Temburong dalam minggu ini.

Rombongan itu akan menyembor ubat DDT di-Kam-

pong Piasau2 pada 20hb. Disember dan di-Kampung Senukoh pada 22hb. Disember.

Penduduk2 di-kedua2 buah kampung itu ada-lah di-minta supaya memberikan kerjasama kapada rombongan itu apabila mereka melawat ka-rumah2 mereka.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 19hb. Disember, hingga ka-hari Selasa 25hb. Disember, 1973 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
19hb. Dis.		12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04 6-22
20hb. Dis.		12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04 6-22
21hb. Dis.		12-26	3-45	6-21	7-36	4-52	5-07 6-25
22hb. Dis.		12-26	3-45	6-21	7-36	4-52	5-07 6-25
23hb. Dis.		12-26	3-45	6-21	7-36	4-52	5-07 6-25
24hb. Dis.		12-26	3-45	6-21	7-36	4-52	5-07 6-25
25hb. Dis.		12-26	3-45	6-21	7-36	4-52	5-07 6-25

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Sambutan awal Muharram

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Penerangan akan mengadakan sambutan awal Muharram tahun Hijrah 1394 pada hari Sabtu 26hb. Januari hadapan bertempat di-Dewan Pekan Bangar, Temburong

mulai jam 8.00 malam.

Achara2 yang di-persembahkan pada malam itu antara lain, ia-lah persembahan2 bacaan Al-Quran dan nashid. Sa-buah drama juga akan dipersembahkan dalam sambutan itu.

19hb. Disember, 1973.

LATEHAN SEKOLAH

DALAM Tahun tujuh puluh-an bermula-nya satu perkembangan baru di-bidang kemahiran da'am aneka jurusan pelajaran apabila sa-buah sekolah latehan kejuruteraan di-tubuhkan di-Kuala Belait.

Sekolah latehan kejuruteraan itu yang di-anggap penting akan dapat memberikan sumbangan berbagai pelajaran ekidimek kepada anak2 muda yang mempunyai kebolehan dan kechundurongan tertentu.

Kerajaan mengharapkan sekolah kejuruteraan itu akan mencapai kejayaan yang boleh di-banggakan kerana menurut taksiran penuntut2 lepasan sekolah itu akan mempunyai kemahiran tertentu yang boleh di-sifatkan sa-bagai daya pembangunan di-bidang teknikal yang tidak selama-nya mengharapkan bantuan atau bergantung kepada tenaga2 luar.

Menurut apa yang kita tahu dan ada-lah menjadi satu ramalan yang serba mungkin bahawa penuntut2 yang telah mencapai kejayaan yang ada sekarang akan mempunyai peluang2 yang lebih besar dalam mana ada-lah menjadi hasrat yang termakloub dalam sekolah itu mengutamakan pengajar-nya terdiri dari orang2 Brunei.

Hingga sekarang ini telah menimbulkan masalah pengambilan penuntut kerana mereka merasakan kurang yakin terhadap jaminan masa depan mereka di-sekolah itu.

Tetapi perkara itu bukan-lah menjadi satu persoalan yang penting yang mesti di-utamakan dan apa yang lebih penting dari itu ia-lah kejayaan, kemahiran dan kejuruan dalam bidang2 tertentu yang tetap menjamin masa depan mereka.

Perkara2 yang membangkitkan soal2 masa depan bagi penuntut2 yang ingin mencheborkan diri di-bidang itu harus-lah tidak merasa bimbang kerana mereka boleh di-katakan sudah bernasib baik dan di-sifatkan sa-bagai orang2 yang beruntung dapat memasuki ka-sekolah itu.

Kita tahu di-negara2 yang pesat membangun, lapangan kejuruteraan ini-lah sa-bagai tumpuan atau matalamat mereka.

Sementara itu menurut pengakuan dari Pmk. Pengarah Pelajaran bahawa Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Jefri Bolkiah merupakan salah sa-buah sekolah yang terbaik dan sekolah yang dapat di-banggakan oleh Brunei.

Kejayaan pertama telah di-chapai oleh sekolah itu dalam mana 44 orang penuntut telah lulus peperiksaan City & Guilds dan lebih sa-ratus orang lagi sedang mengikuti kursus City & Guilds dalam peringkat menengah.

Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Jefri Bolkiah melambangkan chita2 negara untuk menghasilkan tenaga2 muda yang chukop terlatih di-bidang kejuruteraan yang amat penting.



Ketibaan Y.A.M. Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Mohd. Yusof ka-sekolah tersebut telah di-alu2kan oleh Pemangku Pengarah Pelajaran, Dato A.D. Bumford (gambar atas). Di-belakang Pemangku Pengarah Pelajaran itu ia-lah Pengetua Sekolah tersebut, Awang J.B. McRae.



Pemangku Pengarah Pelajaran, Dato A.D. Bumford ketika memberikan ucapan alu2an di-upacara pembukaan rasmi sekolah tersebut pada hari Sabtu yang lalu.

Pemandangan bangunan Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Jefri Bolkiah di-Kuala Belait yang mulai di-gunakan dalam tahun 1970.



Jemputan2 khas ketika menyaksikan kerja2 yang di-buat oleh salah sa-orang penuntut. Kelihatan di-sebelah kanan sekali ia-lah Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Yahya bin Haji Harris, Pegawai Perubatan Daerah Belait, Dr. T. Panch, dan ASP Alias bin Ahmad.

DI-SEKITAR PEMBUKAAN RASMI SEKOLAH PERTUKANGAN KEJURUTERAAN JEFRI BOLKIAH

SEKOLAH Pertukangan Kejuruteraan Jefri Bolkiah telah dibuka dengan rasmi-nya pada hari Sabtu 15hb. Disember yang lalu oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Mohd. Yusof, sa-bagai wakil peribadi Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengtin Muda Jefri Bolkiah.

Sekolah yang di-bertama sempena dengan nama Yang Teramat Mulia itu mula di-bukakan dalam tahun 1970 dan sekarang mempunyai penuntut sa-ramai 16 orang. Mereka mengikuti kursus peringkat menengah City & Guilds sa-lama tiga tahun yang mengandungi empat bidang pelajaran yang berlainan, kenderaan bermotor, mesin logam, mengimpal dan memasang letrik termasuk memperbaiki peti2 sejok dan jentera2 hawa dingin.

Sekolah tersebut adalah salah sa-buah sekolah yang terbaik yang sa-banding dengan Sekolah2 Kejuruteraan lain di-Asia Tenggara yang boleh di-banggakan oleh Brunei.

Sa-lepas upacara pemberian sekolah tersebut, Y.A.M. Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Mohd. Yusof telah di-junjung untuk menyaksikan beberapa kegiatan oleh penuntut2 sekolah tersebut.



Salah sa-orang guru di-sekolah itu sedang menerangkan kepada Yang Amat Mulia yang sedang memerhatikan model sa-buah kereta yang terdapat dalam salah sa-buah bengkel di-sekolah pertukangan itu.




Yang Amat Mulia ketika di-tunjukkan alat2 perkakas yang di-gunakan untuk membuat kerja2 dalam sa-buah bengkel di-sekolah itu.

Sa-bahagian daripada jemputan2 yang telah hadir di-upacara pembukaan rasmi Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Jefri Bolkiah pada hari Sabtu lepas.



Sempena dengan pembukaan rasmi Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Jefri Bolkiah itu, penuntut2 sekolah tersebut telah menghadiahkan sa-buah tempat kedudukan Quran yang di-perbuat daripada tembaga kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah sa-bagai kenang2an. Gambar atas menunjukkan Y.A.M. Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Mohd. Yusof sedang menerima hadiah itu yang di-sampaikan oleh ketua penuntut, Awang Hussain bin Awang Besar.



Sa-bahagian daripada alat2 perkakas yang terdapat dalam sa-buah bengkel yang di-lawati oleh Yang Amat Mulia. Kelihatan dalam gambar atas salah sa-orang guru sedang menerangkan kepada Yang Amat Mulia akan kegunaan alat2 tersebut.



Kelas bimbingan utk tambah pengetahuan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-buah kelas bimbingan sa-chara privit telah di-tubuhkan di-sini tahun lalu yang bertujuan untuk memberi peluang kepada murid2 sekolah bagi menambahkan lagi pengetahuan mereka.

Mata2 pelajaran yang di-ajarkan di-kelas itu termasuklah pelajaran bahasa Melayu dan Inggeris dari primary satu hingga enam, hisab, sains bahasa Melayu dan Ilmu Alam.

Kelas bimbingan itu juga menyediakan bahasa Inggeris bagi orang2 dewasa dari darjah rendah hingga tingkatan menengah.

Ia-nya di-buka pada tiap2

Putusan peraduan bahath

(Dari muka 2)

Sekolah2 Menengah Bawah Bahagian Perempuan: Johan — Sekolah Inggeris Sufri Bol-kiah dengan mendapat markah 221 mata = 73.66%, naib-johan — Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait (195 mata = 65%). Peserta terbaik di-menangi oleh Dayang Hauyah binte Tinggal dari Sekolah Inggeris Sufri Bol-kiah.

Sekolah Menengah Atas Bahagian Lelaki: Johan — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dengan mendapat markah 221 mata = 73.6%, naib-johan — Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan (208 mata = 69.33%). Peserta Terbaik Ag. Mohammad Daud bin Mahmud dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Sekolah Menengah Atas Bahagian Perempuan: Johan — Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dengan mendapat markah 224 mata bersamaan dengan 74.66%, naib-johan di-menangi oleh Maktab Anthony Abell, Seria (217 mata = 72.33%). Peserta terbaik Dayangku Halimah binte Pengiran Haji Damit dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan.

Gambar ini menunjukkan kanak2 dari darjah IV Melayu sedang tekun mengikuti pelajaran bahasa Inggeris di-kelas bimbingan itu dan dalam masa yang lain mereka belajar Ilmu Hisab, Sains dan Ilmu Alam. Mereka belajar jam 7.30 pagi hingga 10.45 pagi.

hari dari jam 7.30 pagi hingga petang dan pelajaran dewasa di-adakan mulai jam 7.30 malam.

Mereka yang ingin memasuki kelas itu bagi awal tahun depan, boleh-lah mendapatkan borang2 dari Dayang Faridah, Pegawai Pendaftaran Kelas Bimbingan itu di-Sharikat Nusa Laila Puteri, 146, Tingkat Dua Jalan Chevalier di-Bandar Seri Begawan atau boleh berhubung melalui talipon 2180.

Guru2 khas yang mengajar di-kelas itu akan bertugas sepanjang masa dan tujuan utama kelas itu ia-lah membimbing kanak2 untuk menambahkan lagi pengetahuan mereka selain daripada mendapat pelajaran di-sekolah.

Aneka warna

DATO GANDI. — Sekolah Melayu Dato Gandhi Bahagian Brunei Tiga akan mengadakan malam aneka warna sa-bagai menyambut hari penutup persekolah akhir tahun di-dewan Sekolah itu pada hari Juma'at 21hb. Disember mulai jam 7.30 malam.

Di-antara achara2 yang akan di-persembahkan dalam sambutan itu ia-lah peraduan nyanyian moden lelaki dan perempuan dewasa, peraduan nyanyian Brunei asli, pakaian beragam, dan peraduan feshen pakaian yang terbuka kepada wanita2 yang tinggal di-kawasan itu.

Orang ramai terutama kepada ibu-bapa2 ada-lah dipersilakan hadir untuk menyaksikan persembahan2 pada malam itu.

JANGAN BIARKAN TERNAKAN BERKELIARAN

TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Awg. Abdullah bin Haji Jaafar telah menyeru kepada tuan2 punya kerbau di-daerah itu supaya jangan membiarkan ternakan2 mereka merayau2 di-jalan2 raya.

Pegawai Daerah itu juga meminta mereka supaya membuat pagar di-sekeliling rumah mereka untuk mengelakkan ternakan2 mereka itu membinasakan tanaman2 orang lain.

Beliau berkata, tindakan akan di-ambil terhadap orang2 yang di-dapati membiarkan ternakan mereka merayau2 dan membinasakan harta benda orang lain.

Majalah Dewasa sudah terbit

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah Dewasa yang di-terbitkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa sekarang sedang di-jual dengan harga 50 sen sa-naskah.

Majalah tersebut boleh di-beli dari Jabatan Pelajaran atau Penguasa Kelas2 Pelajaran Dewasa di-Daerah Brunei/Muara, Tutong, Belait dan Temburong.

Majalah tersebut mengandungi rencana2 mengenai pelajaran, pertanian, kesihatan dan urusan rumah tangga.

HARI KELEPASAN AWAM — 1974

ADA-LAH dengan ini di-beritahu bagi pengetahuan ramai bahawa Sultan dalam Majlis Meshuarat telah mengistiharkan bahawa hari2 yang berikut ada-lah hari2 kelepasan awam di-Negeri Brunei bagi tahun 1974.

Awal Tahun Masehi	Hari Selasa 1hb. Januari
* Hari Raya Haji dan hari yang berikut	Hari Sabtu 5hb. Januari (sa-bagai ganti hari Jumaat 4hb. Januari) dan hari Isnin 7hb. Januari (sa-bagai ganti hari Ahad 6hb. Januari)
Tahun Baru China	Hari Rabu 23hb. Januari
* Awal Tahun Hijrah	Hari Sabtu 26hb. Januari (sa-bagai ganti hari Jumaat 25hb. Januari)
* Maulud	Hari Sabtu 6hb. April (sa-bagai ganti hari Jumaat 5hb. April)
Hari Ulang Tahun Askar Melayu Diraja Brunei	Hari Sabtu 1hb. Jun (sa-bagai ganti hari Jumaat 31hb. Mei)
Hari Keputeraan Baginda Queen	Hari Sabtu 15hb. Jun
Hari Keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan	Hari Isnin 15hb. Julai
* Meraj	Hari Sabtu 17hb. Ogos (sa-bagai ganti hari Jumaat 16hb. Ogos)
* Awal Ramadhan	Hari Rabu 18hb. September
Hari Perlembagaan	Hari Isnin 30hb. September (sa-bagai ganti hari Ahad 29hb. September)
* Memperingati Nuzul Al-Quran	Hari Sabtu 5hb. Oktober (sa-bagai ganti hari Jumaat 4hb. Oktober)
* Hari Raya Puasa dan hari yang berikut-nya	Hari Sabtu 19hb. Oktober (sa-bagai ganti hari Jumaat 18hb. Oktober) dan hari Isnin 21hb. Oktober (sa-bagai ganti hari Ahad 20hb. Oktober)
Hari Raya Haji dan Hari yang berikut-nya	Hari Rabu 25hb. Disember dan Khamis 26hb. Disember
Hari Kerismas dan hari yang berikut-nya	Sabtu 28hb. Disember dan Isnin 30hb. Disember sa-bagai menggantikan 25hb. Disember dan 26hb. Disember kerana Chuti Umum, dan 27hb. dan 29hb. Disember ada-lah hari Jumaat dan Ahad

* Terta'alok kepada perubahan

JAWATAN² KOSONG

Sa-bagai Tukang Pelan

Pemohonan² ada-lah di-pelawa daripada chalu² yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Tukang Pelan di-Jabatan Peranchang Bandar dan Negara, Brunei.

Kelayakan² dan Pengalaman:

Chalu² mesti-lah telah menchapai kelulusan ka-perengkat Sijil Persekolahan Cambridge, S.A.P. atau yang sebanding dengan-nya. Mereka mesti-lah Tukang Pelan yang berseh dan teliti dan, sebaik²-nya, telah lulus peperiksaan Singapore Institute of Architects' Draughtsman. Mereka hendak-lah mempunyai sekurang²-nya lima tahun pengalaman praktikal.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan² dan pengalaman.

Pemohonan² hendak-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama² dengan salinan surat² aukan dan sijil² tidak lewat dari 11hb. Februari, 1974.

Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

Pemohonan² ada-lah di-pelawa daripada chalu² yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan² kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

- IMAM (1 jawatan) — Bagi Mesjid Kampong Kupang, Tutong.
- BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Kampong Lamunin, Tutong.
- BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Birau, Tutong.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon² yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan²:

- Pemohon² mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun dan mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun² Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Keparah bila² masa di-kehendaki.

Gaji:

Dalam sukatan gaji ada-lah seperti berikut:-

Jawatan IMAM — U.4 — \$280x10-390-410x10-560.

Jawatan BILAL — U.2 — \$220x10-390-410x10-430.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama² permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan² mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 28hb. Januari, 1974.

SA-BAGAI JURURAWAT TERLATEH DAN JURURAWAT

Pemohonan² ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan² kosong sa-bagai Jururawat Terlateh dan Jururawat di-Jabatan Perubatan, Brunei.

Kelayakan²:

Jururawat Terlateh: Mesti-lah terdiri dari Jururawat² yang berdaftar serta mempunyai kelayakan² yang di-akui.

Jururawat: Mesti-lah terdiri dari Jururawat² yang berdaftar serta mempunyai kelayakan² yang di-akui; dan mesti-lah Bidan² yang berkelayakan yang mempunyai kelulusan² yang di-akui.

Pemohonan² ada-lah di-pelawa daripada chalu² yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan² kosong sa-bagai Imam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Imam:

1 jawatan bagi Mesjid Utama Mohd. Salleh, Temburong.

SA-BAGAI GURU SEKOLAH ARAB

Pemohonan² ada-lah di-pelawa daripada chalu² yang berkelayakan untuk di-lantek sa-bagai Guru Sekolah Arab di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan² dan Pengalaman:

- Mesti-lah berumur tidak kurang 25 tahun.
- Hendak-lah mempunyai kelulusan sekurang²-nya kelas Khas (Takhassus) dari Sekolah Arab Aljuned, Singapura atau yang sa-banding dengan-nya.
- Mempunyai pengalaman mengajar 10 tahun, dan tidak kurang 5 tahun daripada-nya berpengalaman mengajar matapelajaran Bahasa Arab.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 2 (\$710x30 — \$950).

Sharat² Lantekan:

Chalu² yang berjaya yang bukan terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Chalu² yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas menjalani satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalu² yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap² bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama² permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan² mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama² dengan salinan surat² aukan dan sijil² tidak lewat dari 15hb. Januari, 1974.

Gaji:

Jururawat Terlateh: Dalam sukatan gaji D.3 — \$410x20-510.
Jururawat: Dalam sukatan gaji D.4 — \$540x20-660.

Temuduga:

Temuduga bagi pemohon² yang di-terima akan di-atorkan tidak lama sa-lepas permohonan² di-terima.

Sharat² Lantekan:

Chalu² yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon² yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan²:

- Pemohon² mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun dan mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun² Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Keparah bila² masa di-kehendaki.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U.4 — \$280x10-390-410x10-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama² permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan² mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 8hb. Februari, 1974.

Sa-bagai Tukang Panjat

Pemohonan² ada-lah di-pelawa daripada chalu² yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan² kosong sa-bagai Tukang Panjat di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Kelayakan²:

Mesti-lah boleh memanjat tiang (mast) untuk membuat kerja² memeriksa dan membaiki hingga satinggi lebih dari 200 kaki. Boleh membuat kerja² sambongan pada tali dawai, lain² kelengkapan dan "insulators" yang di-gunakan pada tali temberang. Pengalaman dalam kerja² mendirikan tiang² yang menggunakan tali temberang adalah satu kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB.3 \$220x10-250 / 260x10-290/EB/300x10-350.

Pemohonan² mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 30hb. Januari, 1974.

sa-lama 3 tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Chalu² yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi chalu² yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap² bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir² mengenai sharat² perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Pemohonan² mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama² dengan salinan surat² aukan dan sijil² tidak lewat dari 5hb. Februari, 1974.

Sa-bagai Bidan Pelajar

Pemohonan² ada-lah di-pelawa daripada chalu² yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek ka-jawatan Bidan Pelajar di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan²:

Mesti-lah lulus sekurang²-nya Darjah VI Melayu atau yang sebanding dengan-nya, dan boleh bertutor dalam Bahasa Melayu. Pertimbangan yang sewajar-nya akan di-beri terhadap kelayakan pelajaran yang di-perolehi.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon² yang bersedia untuk kembali ka-kampung masing² untuk berkhidmat sa-bagai Bidan sa-telah memperolehi kelayakan.

Pemohon² mesti-lah berumur sekurang²-nya 20 tahun.

Latehan:

Chalu² yang berjaya akan menjalani kursus latehan sa-lama dua tahun di-Sekolah Perbidanan, Rumah Sakit Besar, Bandar Seri Begawan.

Sa-telah menamatkan latehan sa-lama enam bulan, bidan pelajar yang tidak menchapai darjah yang memuaskan dalam menjalani latehan ini akan di-berhentikan daripada jawatan mereka.

Mereka ada-lah di-kehendaki lulus peperiksaan di-akhir kursus latehan tersebut.

Sukatan Gaji:

Bidan Pelajar — \$152.00 sa-bulan.

Bidan Terlateh — \$220x10-290/EB/300x10-350.

Bidan — \$410x20-510/EB/540x20-660.

Bidan Pelajar yang di-lantek di-bawah peraturan ini akan berhak mendapat pakaian seragam dan alao² dhobi.

Bidan terlateh berhak bagi mendapat sokongan ka-jawatan Bidan.

Pemohonan² mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama² dengan surat² aukan dan sijil² tidak lewat dari 10hb. Januari, 1974.

PERANAN BELIA UNTUK PERTAHANKAN KEAMANAN, KESELAMATAN NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Saleh bin Haji Masri menjelaskan bahawa peranan belia2 di-Brunei ialah mempertahankan keamanan, keselamatan dan kesejahteraan bangsa dan negara.

Kata-nya, krisis masyarakat dan krisis negara tidak akan sunyi pada bila2 masa di-seluruh dunia dan hanya belia2 yang bersemangat kenegaraan saja yang dapat mengatasi krisis itu dengan sempurna.

Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa telah berkata demikian ketika beliau merasmikan pembukaan Kursus Pemimpin Belia kali kedua di-Pusat Belia di-sini pagi semalam.

Kursus itu telah di-hadiri oleh 42 orang perwakilan dari 24 buah pertubuhan belia dan kebajikan di-seluruh negeri.

Yang Berhormat itu menekankan belia2 yang mempunyai fikiran waras tidak akan mengambil sebarang tindakan dan keputusan terburu2 dalam sebarang kegiatan mereka.

Beliau juga mengesa beliawanis2 di-Brunei supaya sama2 bergerak meninjau fikiran2 orang lain yang bergerak maju yang dapat di-selaraskan dengan kegiatan kaum wanita di-Brunei.

Yang Berhormat itu memberitahu bahawa beliau akan mula berchuti dan seterusnya bersara dari perkhidmatan Kerajaan pada awal tahun 1974.

Sa-orang wakil peserta kursus yang turut berucap di-majlis itu telah mendzahirkan rasa terharu dan sempati belia terhadap persaraan Pesuruhjaya Kebajikan itu dan mensifatkan-nya sa-bagai kehilangan sa-orang tokoh pemimpin belia yang berjasa dan ulung di-Brunei.

Kursus sa-lama dua minggu itu akan berakhir pada 31hb. Disember ini.

Beberapa orang pegawai kerajaan termasuk Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz akan menyampaikan cheramah dalam kursus tersebut.

Cheramah mengenai Belia Dalam Pembangunan Negara akan di-sampaikan oleh Awang Selamat bin Munap. Cheramah mengenai Adat Istiadat dan Kebudayaan Brunei akan di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohd. Jamil Al-Sufri akan menyampaikan cheramah mengenai Sejarah Brunei semantara Inspektor Pengiran Hamzad bin Pengiran Haji Ismail akan menyampaikan cheramah mengenai bahaya2 madat dan ganja.

18 pemain wakili Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan sa-ramai 18 orang pemain2 bola sepak yang mewakili Sekolah2 Menengah di-negeri ini, telah berlepas ka-Taipei untuk menyertai perlawanan bola sepak Sekolah2 Asia kali ke-empat.

Pasokan dari Brunei itu disertai oleh Ag. Haji Abdi Manaf bin Penyurat Hj. Abu Bakar selaku ketua; Ag. Mohamed bin Ismail dan Ag. Suhaili bin Lani.

Perlawanan itu di-jangka berakhir pada 25hb. Disember.



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awg. Haji Mohd. Jamil Al-Sufri.

Keputusan pepereksaan menggalakkan

(Dari muka 1)

sa-tinggi2 terima kaseh kepada pehak yang berkenaan kerana menamakan sekolah tersebut mengambil sempena nama Yang Teramat Mulia itu sambil mensifatkan-nya sa-bagai satu penghormatan kepada diri Yang Teramat Mulia.

Akhir-nya Yang Teramat Mulia mengucapkan selamat maju jaya dalam sa-genap lapangan kepada penuntut2 yang sedang menuntut di-sekolah tersebut.

Terdahulu sa-belum itu, Pemangku Pengarah Pelajaran Dato A.D. Bumford telah menyampaikan ucapan di-majlis tersebut.

Dato Bumford berkata sekolah itu ia-lah salah sa-buah sekolah yang terbaik yang sa-jenis dengan-nya di-Asia Tenggara dan sekolah yang dapat di-banggakan oleh Brunei.

Beliau berharap menjelang tahun 1979, 85 peratus daripada tenaga pengajar dalam sekolah itu akan terdiri daripada anak2 tempatan.

Dato Bumford juga mene-

rangkan bahawa keputusan pepereksaan City and Guilds yang pertama di-adakan bulan Jun tahun 1971 ada-lah sangat2 menggalakkan, kerana melebihi keputusan pepereksaan hitung panjang di-dunia dan keputusan pepereksaan bulan Jun 1972 ada-lah lebih baik lagi.

Beliau akhir-nya berdo'a agar sekolah tersebut akan mengeluarkan bukan sahaja penuntut2 yang berjaya malahan juga penuntut2 yang takwa kepada Allah, ta'at kepada negeri dan Raja mereka.

Permainan pancnaragam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei, Pulis Diraja Brunei dan pancharagam pasokan ke-6 Queen Own Gurkha Rifles akan mengadakan pertunjukan permainan pancharagam (beating the retreat) di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu 22hb. Disember, mulai jam 5.20 petang.

Orang ramai ada-lah di-persilakan untuk menyaksikan pertunjukan tersebut.

Keputusan akan di-umumkan akhir bulan Januari

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penerimaan naskah2 karangan untuk Peraduan Menulis Buku Ilmu Kesihatan yang di-anjorkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei pada bulan Mach, 1973 telah di-tutup dan sa-banyak lapan naskah karangan dari penulis2 tanah ayer telah di-terima oleh jawatankuasa pengangor-nya.

Juruchapak jawatankuasa penganjur peraduan itu berkata walau pun sambutan dari

penulis2 tanah ayer kurang daripada yang di-harapkan, tetapi sa-bagai langkah permulaan untuk menggalakkan penulis2 di-negeri ini bergiat dalam penulisan buku2 sains, sambutan tersebut ada-lah memuaskan.

Seterus-nya juruchapak itu mengharapkan, pada masa2 yang akan datang ramai lagi penulis dalam jurusan pekerjaan mereka di-lapangan

Tujuan peraduan bahath di-adakan

(Dari muka 1)

gawai2 yang bertanggung-jawab tidak menjalankan dengan jujur dan tulus ikhlas serta bersungguh2 menunaikan kewajiban yang di-tentukan oleh dasar itu, maka dasar itu tidak akan mendatangkan kesan yang baik dan faedah yang di-maksudkan tidak akan tercapai juga.

Maka oleh itu beliau menyeru kepada pegawai2 yang berkenaan yang bertanggung-jawab untuk menjalankan dasar tersebut supaya akan bekerja bersungguh2 dengan tulus ikhlas.

Peraduan yang di-jalankan pada hari itu, tegas beliau ada-lah salah satu daripada langkah yang di-jalankan untuk memberikan lathakan kepada penuntut2 untuk menjadikan mereka raayat yang sempurna kerana sa-suatu kemajuan yang akan di-bentuk itu pada lazim-nya di-meshuaratkan atau di-muzakarahkan terlebih dahulu untuk mendapatkan kesimpulan perkara itu dan menyelideki sebab musabab yang menjadikan faedah terhadap ranchangan tu.

Sebab itu-lah beliau menegaskan kepada ahli2 bahath supaya menghadapkan hujjah2 mereka sa-mata2 untuk mencari kebenaran.

Terdahulu sa-belum itu Pemangku Pengarah Pelajaran Dato A.D. Bumford dalam ucapan-nya antara lain telah mengharapkan supaya peraduan2 bahath seperti itu akan mendapat kejayaan di-samping melath penuntut2 chepat berfikir.

Sa-banyak 12 buah pasokan dari 7 buah sekolah rendah, menengah dan maktab lelaki dan perempuan telah mengambil bahagian dalam peraduan itu.

Hadih2 telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Datin Hajjah Siti Hara, isteri Yang Berhormat Pengerusi Majlis Pelajaran.

(Keputusan penoh peraduan tersebut di-siarkan di-muka 2).